

SOALAN NO: 20

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' DR. TAN KEE KWONG
[WANGSA MAJU]
TARIKH : ISNIN, 20 NOVEMBER 2017
RUJUKAN : L16 [PR-1353-L03478]
SOALAN :

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan mengenai pembinaan kolomborium di Seksyen 2 Wangsa Maju sedangkan Menteri telah menyatakan projek ini tidak akan dibina.

35

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Wangsa Maju, kenyataan Yang Berhormat mengatakan "Menteri telah menyatakan projek ini tidak akan dibina" adalah tidak tepat.

Pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengeluarkan kelulusan Perintah Pembangunan bertarikh 25 April 2016 setelah mengambil kira bantahan dan pandangan penduduk setempat. Kelulusan melalui Perintah Pembangunan ini juga tertakluk kepada syarat peringatan No. 6 iaitu "Aktiviti penyimpanan abu mayat dalam bangunan ini tidak dibenarkan".

Untuk makluman Yang Berhormat, segala aspek perancangan serta perundingan bersama penduduk setempat dan pembantah telah dikaji sebelum cadangan membina rumah pengurusan mayat Shi Qin Tang, 4 tingkat di atas Lot 27158, Jalan 4/27A, Seksyen 2, Wangsa Maju, Mukim Ulu Kelang, Kuala Lumpur ini diluluskan.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. SHAMSUL
ANUAR BIN HAJI NASARAH
[LENGGONG]**

**TARIKH : 20 NOVEMBER 2017
(ISNIN)**

SOALAN : 21

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah status, perkembangan terkini dan kawasan yang terlibat dengan pelaksanaan projek Lampu Jalan Kampung (LJK) yang menggunakan lampu LED serta nyatakan kawasan yang bakal dilaksanakan projek tersebut.

37

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga tarikh 13 Oktober 2017, sebanyak 35 unit LJK jenis LED telah dipasang di dalam Parlimen Lenggong. Ianya merupakan sebahagian daripada jumlah keseluruhan iaitu sebanyak 1,482 unit LJK jenis LED telah siap dipasang yang melibatkan 1,136 buah kampung di seluruh Malaysia.

Pelaksanaan projek Lampu Jalan Kampung (LJK) yang menggunakan lampu LED ini merupakan inisiatif YAB Perdana Menteri dan kawasan yang menjadi tumpuan pemasangan LJK jenis LED ini adalah di persimpangan utama memasuki kampung dan kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan umum seperti dewan orang ramai, rumah keagamaan, tanah perkuburan dan pasar.